

# PENYUCIAN JIWA

23 OGOS 2024 | 18 SAFAR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا

وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا

هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا

عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredhaan Allah Ta'ala di dunia dan di akhirat

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Kebanyakan orang Islam memahami tentang najis mukhaffafah, mutawassitah dan mughallazah yang bersifat fizikal, tetapi tidak ramai yang memahami kekotoran batin atau penyakit hati yang juga amat perlu dibersihkan. Imam al-Ghazali Rahimahullah menyifatkan Tazkiyah al-Nafs sebagai satu proses penyucian jiwa daripada kekejian dan kekotoran yang berpunca daripada akhlak yang tercela. Dengan itu, ia merupakan salah satu cara untuk mendapatkan kekuatan dan ketahanan diri yang mantap bagi melawan musuh-musuh batin atau penyakit hati. Oleh itu penyucian jiwa atau Tazkiyah al-Nafs amat penting sehingga Allah Ta'ala telah menyebutnya dalam Sūrah al-Syams ayat 9 hingga 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

**Yang bermaksud** : “*Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa. Dan rugilah orang yang mengotorinya.*”

Ingatlah sesungguhnya Allah Ta'ala telah menegaskan bahawa orang yang berjaya di sisi-Nya hanyalah orang yang bersih jiwa atau hatinya. Mereka sentisa berusaha menghiasi diri mereka dengan sifat-sifat terpuji dan menjauhkan daripada sifat-sifat keji. Sebaliknya orang yang membiarkan jiwa dan hati mereka dipenuhi dengan sifat-sifat keji mereka adalah orang yang rugi.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,**

Penyucian jiwa adalah amat penting bagi setiap orang Islam kerana ia adalah cara yang kita dapat mengenal Allah Ta'ala dan menjauhkan diri daripada segala maksiat dan penyakit-penyakit hati. Sama ada kita sedar atau tidak, hati kita dipenuhi dengan sifat-sifat mazmumah atau keji seperti riya' atau menunjuk-nunjuk, hasad dengki, sombong, bangga diri dan lain-lain lagi yang membawa kita kepada kemurkaan Allah Ta'ala dan menyebabkan segala amalan kebaikan tidak diterima oleh Allah Ta'ala. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ahmad Rahimahullah:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ, قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ

الْأَصْغَرَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ

**Yang bermaksud:** “ *Perkara yang paling aku takut terjadi pada kamu adalah syirik kecil. Para Sahabat bertanya: Apa itu syirik kecil wahai Rasulullah. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Itulah Riya* ”.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan kita dengan sifat sombong dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

*Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada sebesar zarah perasaan sombong.*

Sabda Baginda dalam hadis riwayat Imam Abu Daud yang bermaksud,

*Hendaklah kamu menjauhi sifat hasad dengki, kerana ia menghapuskan kebaikan, sepertimana api membakar kayu.*

Bukan itu sahaja, penyakit-penyakit hati jika dibiarkan berada dalam hati kita, ia pasti akan membawa kerosakan kepada masyarakat. Bukankah kerosakan yang terjadi pada hari ini seperti pembunuhan, pergaduhan, tuduh-menuduh, caci-maki, sindir menyindir, berebut kuasa,

harta dan pangkat, adalah berpunca daripada penyakit-penyakit hati. Benarlah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari,

**Yang bermaksud:** *“Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,**

Marilah kita berusaha sedaya upaya menyucikan jiwa dan hati. Sifa-sifat keji yang bersarang dalam hati kita perlu dibersihkan dengan amalan tazkiyat al-Nafs. Untuk menyucikan hati, setiap kita hendaklah memulakan dengan berusaha menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji. Tinggalkan segala maksiat dan sifat-sifat mazmumah yang di dalam hati kerana hati tidak mungkin dapat dibersihkan jika masih bergelumang dengan dosa. Orang yang beriman memandang dosa adalah perkara besar yang akan memusnahkannya. Maksud Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan Imam al-Bukhari,

*“Sesungguhnya seorang mukmin (ketika) ia melihat dosa-dosanya seperti gunung yang akan menyimpannya. Sedangkan seorang fajir (orang yang selalu berbuat dosa) melihat dosa-dosanya adalah seperti ia melihat seekor lalat yang hinggap di batang hidungnya.*

Antara cara penyucian jiwa ialah membanyakkan taubat pada setiap masa dengan memohon keampunan kepada Allah Ta’ala. Amalan taubat akan menyucikan jiwa yang kotor, justeru perbanyakkan istighfar dan berzikir kepada Allah Ta’ala kerana orang yang berzikir hatinya akan

tenang disebabkan hatinya telah bersih daripada kekotoran. Berkata Abu Darda'Radiullahu anhu,

*Setiap sesuatu itu ada penggilapnya dan penggilap hati itu adalah zikrullah.*

Sentiasalah bermuhasabah iaitu dengan melihat kelemahan diri sendiri dan sentiasa ingat bahawa kita akan bertemu dan dihisab di hadapan Allah Ta'ala. Orang yang ingat kepada kematian adalah pemilik jiwa yang suci kerana dunia hanyalah sementara adapun akhirat kekal abadi. Banyakkan berdoa agar Allah Ta'ala menjadikan hati kita sentiasa bersih dan suci. Amalkan doa ini,

اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا

**Yang bermaksud:** “Ya Allah, berikanlah ketakwaan kepada jiwaku, sucikanlah ia, sesungguhnya Engkau lah sebaik-baik Dzat yang dapat mensucikannya, Engkau lah yang menguasai dan yang menjaganya.”

Kesimpulannya, Ingatlah sesungguhnya hati kita sentiasa dipenuhi dengan sifat-sifat keji yang merupakan dosa yang akan merosakkan diri kita di dunia dan akhirat. Berusahalah melakukan tazkiyah al-Nafsu dengan meninggalkan maksiat dan sifat-sifat keji yang ada dalam hati. Banyakkan bertaubat, berzikir, berdoa dan melakukan amalan-amalan kebaikan yang lain. Insyaallah hati kita akan suci dan bersih.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ